

14/08/1999

PM saksi muzikal Dato' Onn di Panggung Negara

Jamudin Idris

TEATER muzikal Dato' Onn yang mendapat sambutan baik ketika dipentaskan di Johor akan dipentaskan di Panggung Negara sebagai pementasan percubaan dan bakal menjadi teater pertama dipentaskan di panggung penuh prestij itu.

Teater itu akan dipersembahkan pada 23 dan 24 Ogos. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa jemputan akan menyaksikan persembahan pada 24 Ogos. Tiket berharga RM20 dan RM30 untuk persembahan 23 Ogos masih ada.

Pengerusi Persembahan, Dr Abdul Latiff Ahmad, berkata persembahan itu dibawa ke Kuala Lumpur untuk memberi peluang khususnya kepada Perdana Menteri dan peminat teater menyaksikan satu perjuangan bagi memerdekakan tanah air yang bukan mudah.

Teater Dato' Onn sebelum ini dipentaskan di Johor Bahru pada 7 hingga 9 Mei manakala di Batu Pahat pada 11 hingga 13 Jun. Persembahan di Batu Pahat turut disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bercakap pada sidang media di Panggung Negara, baru-baru ini, Dr Abdul Latiff yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Belia dan Sukan Johor berkata, pementasan di Kuala Lumpur bertujuan memberi peluang generasi muda mengenali salah seorang pejuang kemerdekaan, Allahyarham Datuk Onn dengan lebih dekat.

Ia juga untuk memberi peluang kepada aktivis teater Johor mengadakan persembahan di Kuala Lumpur dan menggunakan kecanggihan peralatan di Panggung Negara untuk teater mereka.

Teater yang mengambil masa kira-kira 120 minit itu dipenuhi lebih 30 lagu dan diadun dengan dialog bahasa yang puitis.

Dr Abdul Latiff berkata, pihaknya menganggap pementasan di Panggung Negara adalah satu cabaran kerana kemudahan dewan persembahan yang jauh berbeza berbanding ketika dipentaskan di Johor.

Pengarah teater itu, Othman Zainuddin pula berkata, pemilihan Datuk Onn bukan semata-mata kerana ia menubuhkan Umno tetapi yang lebih penting kejayaan tokoh itu menyatupadukan orang Melayu.

Tokoh itu menubuhkan Kesatuan Melayu Johor dan beliau berjaya membangkitkan semangat orang Melayu untuk menentang Inggeris.

Menurut Othman, teater ini penting kerana akhir-akhir ini orang Melayu sudah berpecah kerana wujudnya visi dan pemikiran berbeza, sedangkan jika perpecahan itu tidak dikawal kemungkinan apa yang berlaku di negara jiran boleh menimpa pada orang Melayu di sini.

Teater ini seakan-akan ingin menyedarkan orang Melayu supaya mengelakkan diri daripada perpecahan kerana merugikan mereka.

Mengenai perbezaan pentas, Othman berkata, pihaknya akan membuat penyesuaian dan berharap Perdana Menteri akan berpuas hati dengan pementasannya nanti.

Pelakon utama, Abdul Rahman Osman (Man Bai) menganggap teater ini satu cabaran padanya kerana beliau sendiri tidak mengenali tokoh itu secara dekat.

Bagaimanapun berkat tunjuk ajar pengarah dan rakan, ia berjaya dipentaskan di Johor dan berharap pementasan di Kuala Lumpur akan lebih baik.

Teater itu anjuran Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Panggung Negara. Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Mohd Rashidi Mohd Nor turut hadir pada sidang akhbar itu.

(END)